

05/12/1997

Malaysia tiada hasrat beli kapal selam

MALAYSIA tidak berhasrat melengkapkan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dengan kapal selam pada masa ini kerana belum ada keperluan bagi pasukan itu menggunakannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, walaupun cadangan menggunakan kapal selam pernah dibincangkan sebelum ini, kerajaan terpaksa menangguhkannya kerana masalah ekonomi yang melanda negara ketika ini.

"Sekarang (kita) tidak (memerlukan kapal selam) kerana masih belum ada keperluan... mungkin di masa depan," katanya ketika ditanya wartawan tempatan selepas melawat kapal selam Russia di Tanjung Malai di sini, hari ini.

Kapal selam kelas `kilo' Russia itu adalah antara empat kapal selam yang menyertai Lima '97 buat pertama kali.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan akan membuat penilaian mengenai jenis kapal selam yang sesuai apabila ekonomi negara kembali pulih.

Sebelum ini, TLDM mencadangkan pembelian kapal selam untuk meronda perairan negara berikutan ancaman kapal asing sejak beberapa tahun lalu.

Bagaimanapun, Kabinet menolak cadangan itu kerana menganggap masanya belum tiba lagi.

(END)